

# **METODOLOGI EKONOMI ISLAM: SUATU ANALISIS PERBANDINGAN**

Oleh:  
Joni Tamkin Bin Borhan

## **Abstract**

*The methodology of Economics discussed by the economists covers the topics of positive vs. normative, inductive vs. deductive, incorporation vs. exclusion of values, prescription vs. description, apriorism vs. empiricism, etc. This article discusses in broad terms the methodology of Islamic Economics and to show its differences from the methodology of conventional economics. It also discusses some of the methodological issues relating to Islamic economics such as Islamic economics as a positive and normative sciences and the differences between Islamic economics and fiqh muamalah.*

## **PENDAHULUAN**

Penulisan ini bertujuan membincangkan konsep dan metodologi ekonomi Islam dan memperlihatkan perbezaan-perbezaannya dengan metodologi ekonomi konvensional. Beberapa isu utama dan semasa yang berkaitan dengan metodologi ekonomi Islam juga akan dibincangkan dalam penulisan ini.

## **KEPERLUAN KEPADA METODOLOGI**

Metodologi sesuatu subjek bertujuan untuk menyelidiki kebenaran konsep, teori dan asas-asas prinsip subjek berkenaan.<sup>1</sup> Dalam pengajian ekonomi konvensional, terdapat pelbagai pendapat yang berbeza berkenaan dengan metodologi. Ahli-ahli ekonomi konvensional dari zaman klasik hingga sekarang membincangkan persoalan metodologi mencakupi isu ekonomi positif vs. ekonomi normatif, metod induktif vs. metod deduktif, konsep nilai dan etik dalam ekonomi dan sebagainya.<sup>2</sup> Persoalan yang

<sup>1</sup> Mark Blaug, *The Methodology of Economics*, Cambridge University Press, Cambridge, 1980, hal. xi.

<sup>2</sup> Bruce Caldwell, *Appraisal and Criticism in Economics*, Allen and Unwin, Boston, 1984; Sheila C. Dow, *Macro Economic Thought: A Methodological Approach*, Basil Blackwell,

timbul ialah mengapa metodologi sesuatu yang merupakan keperluan dalam pengajian sesuatu disiplin ilmu. Jawapan yang diberikan ialah metodologi diperlukan oleh semua disiplin pengajian ilmu untuk mencapai kebenaran dari teori-teori yang terdapat dalam bidang pengajian berkenaan. Dalam bidang ekonomi, ianya diperlukan untuk mencari kebenaran tentang semua perkara yang berkenaan dengan teori-teori ekonomi yang dikemukakan oleh seseorang berkenaan berbanding dengan teori-teori yang lain. Menurut perspektif ekonomi Islam, tendensi manusia untuk mencari kebenaran ini telah dijelaskan oleh al-Qur'an.<sup>3</sup> Al-Qur'an juga menggesa manusia supaya meninggalkan perkara yang meragukan dan berpegang dengan perkara yang benar dan meyakinkan.<sup>4</sup> Firman Allah SWT, maksudnya:

*“Kitab al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.”<sup>5</sup>*

## KEPERLUAN KEPADA METODOLOGI EKONOMI ISLAM

Meskipun terdapat perbezaan yang luas antara ahli-ahli ekonomi konvensional berkenaan dengan persoalan metodologi, namun mereka pada asasnya bersetuju pada tiga isu pokok seperti berikut:<sup>6</sup>

- 1) Andaian asas menyatakan manusia itu secara semulajadi mementingkan diri sendiri dan bertindak secara rasional.
- 2) Matlamat utama kehidupan manusia ialah kemajuan dalam kebendaan, dan
- 3) Setiap manusia mempunyai kecenderungan memaksimumkan kebajikan kebendaannya dan mempunyai pengetahuan yang cukup untuk membuat keputusan.

---

Oxford, 1985; A. S. Eichner, *Why Economics is not Yet a Science*, Macmillan, London, 1983; Daniel M. Hausman, *The Philosophy of Economics: An Anthology*, Cambridge University Press, Cambridge, 1984; J. J. Kant, *The Rules of the Game*, Cambridge University Press, Cambridge, 1984; Peter Willes and Guy Routh, *Economics in Disarray*, Basil Blackwell, Oxford, 1984.

<sup>3</sup> Surah al-Baqarah (2): 2.

<sup>4</sup> Surah Yūnus (10): 36; Surah al-Najm (53): 28.

<sup>5</sup> Surah al-Baqarah (2): 2.

<sup>6</sup> Muhammad Akram Khan, “Methodology of Islamic Economics,” dalam Aidit Ghazali dan Syed Omar bin Syed Agil (eds.), *Readings in the Concept and Methodology of Islamic Economics*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1989, hal. 50-52.

Ketiga-tiga asas utama di atas dalam metodologi ekonomi konvensional di tolak oleh Islam. Ini adalah kerana Islam mempunyai pandangan yang berlainan daripada ketiga-tiga perkara di atas. Pertama: Adalah tidak benar manusia itu secara semulajadinya bersifat mementingkan diri sendiri. Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan dan bukti-bukti empirik sepanjang sejarah tamadun manusia, mereka dilihat bertindak berdasarkan kepada semangat altruistic iaitu mengutamakan kesenangan kepada orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri. Sifat altruistik adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan dari kehidupan manusia dan Islam mengajarkan kepada umatnya supaya sedia berkorban untuk orang lain. Antara institusi yang ada dalam Islam yang memupuk sifat tersebut ialah institusi hibah, sedeqah, infaq, hadiah dan sebagainya.<sup>7</sup> Al-Qur'an memuji orang Islam kerana mereka lebih mengutamakan orang lain daripada diri mereka sendiri meskipun mereka berada dalam kesusahan. Allah SWT berfirman, maksudnya:

*"Dan orang-orang (Ansār) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya".<sup>8</sup>*

Sikap ambil tahu atau rasa kepedulian kepada orang lain adalah antara nilai unggul dalam masyarakat Islam.<sup>9</sup> Pelbagai institusi yang wujud dalam masyarakat Islam seperti institusi wakaf, takaful, tabung khairat dan baitulmal mempunyai objektif melaksanakan usaha kebajikan kepada orang lain. Dalam masyarakat bukan Islam, aktiviti kebajikan juga adalah sebahagian dari kehidupan mereka. Umpamanya di Amerika Syarikat pada tahun 1986 terdapat 22,000 pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti kebajikan.<sup>10</sup> Hal ini membuktikan andaian bahawa manusia dalam pemikiran ekonomi konvensional itu mementingkan diri sendiri tidak dapat dibuktikan

<sup>7</sup> Lihat umpamanya Muhammad Farūq al-Nubhān, *Al-Ittijāh al-Jamā'i fi al-Tashrī' al-Iqtisādi al-Islāmi*, Muassasah al-Risālah, Beirut, 1984, hal. 329-339.

<sup>8</sup> Surah al-Hashr (59): 9.

<sup>9</sup> Muhammad Akram Khan, *op. cit.*, hal. 51; Nik Mustapha Nik Hassan, *Pengurusan Makro Ekonomi Negara Dari Perspektif Islam*, IKIM, KL, 1998, hal. 42; Muhammad Umar Chapra, "Objectives of the Islamic Economic Order" dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Islam: Its Meaning and Message*, The Islamic Foundation, Leicester, UK, 1977, hal. 190.

<sup>10</sup> *Economist*, 23 August 1986, hal. 75.

kebenarannya dalam kehidupan sebenar kehidupan.

Kedua: Kebendaan bukanlah matlamat utama dalam masyarakat Islam.<sup>11</sup> Meskipun kebendaan dankekayaan adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia, namun Islam mengajurkan umatnya supaya pencapaian *al-falah* iaitu kehidupan yang sejahtera dan bahagian serta mendapat keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Kesejahteraan dan kebahagiaan yang dikehendaki oleh umat Islam sama ada dalam bentuk material atau rohani.<sup>12</sup> Dari sudut yang lain, Islam tidak pernah mengajar umatnya meninggalkan nikmat dan kekayaan dunia semata-mata mengejar kehidupan akhirat yang kekal abadi.<sup>13</sup> Yang diajarkan kepada setiap Muslim ialah kehidupan yang seimbang antara dunia dan akhirat. Kekayaan dan kebendaan yang diperolehi hasil daripada usaha yang halal menjadi alat dan jambatan kepada setiap muslim untuk beribadat kepada Allah SWT, masyarakat, keluarga dan diri sendiri. Dalam perkataan lain kekayaan menjadi alat untuk mencapai *al-falah* dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.<sup>14</sup> Oleh itu kenyataan yang menyebutkan bahawa kebendaan adalah matlamat utama dalam kehidupan manusia merupakan sesuatu yang asing dalam rangkakera Islam.

Ketiga: Andaian yang seterusnya yang menyebutkan manusia mempunyai pengetahuan yang cukup terhadap sesuatu adalah berlawanan dengan Islam. Al-Qur'an menganggap manusia tidak mempunyai pengetahuan yang sempurna terhadap sesuatu dalam kehidupannya.<sup>15</sup> Hanya Allah SWT yang mempunyai pengetahuan yang sempurna terhadap sesuatu.<sup>16</sup> Oleh itu dalam kehidupan dunia manusia memerlukan petunjuk dan panduan Ilahi sebagaimana terdapat dalam al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.'a.w.

<sup>11</sup> Kenyataan ini boleh dirujuk kepada ayat-ayat al-Qur'an berkenaan, antaranya ialah surah al-An'ām (6): 32; Surah Ibrāhīm (14): 3; Surah al-Nahl (16): 107; Surah al-Qiyāmah (75): 20-21; Surah al-'Adiyyah (100): 8.

<sup>12</sup> Muhammad Akram Khan, *An Introduction to Islamic Economics*, New Delhi, 1999, hal. 34.

<sup>13</sup> Lihat Surah al-Hadid (57): 27.

<sup>14</sup> Muhammad Akram Khan, *Challenge of Islamic Economics*, All-Pakistan Islamic Education Congress, Lahore, 1985, hal. 20; Aidit Ghazali, *Development: An Islamic Perspective*, Pelanduk Publications, PJ, 1990, hal. 89.

<sup>15</sup> Surah al-Nisā' (4): ayat 11 menyebutkan: "...Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu..." .

<sup>16</sup> Firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana." Surah al-Nisā' (4): 11.

## METODOLOGI EKONOMI ISLAM

Asas utama metodologi ialah membantu mencapai kepada kebenaran. Tunjang utama ekonomi Islam terdiri dari prinsip-prinsip yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadith Rasulullah s.'a.w. yang bersumberkan panduan Ilahi. Oleh itu dalam ekonomi Islam, persoalan kebenaran atau kebatilan asas-asas ekonomi tidak timbul kerana ia bersumberkan kepada kepada kedua-dua sumber berkenaan. Hanya apabila sesuatu persoalan ekonomi tidak terdapat dalam sumber-sumber utama Syariah iaitu al-Qur'an, hadith, Ijma' dan qiyas, barulah manusia menggunakan akal fikiran untuk mencari penyelesaian terhadap persoalan-persoalan ekonomi tetapi tidak terkeluar daripada prinsip-prinsip Islam. Pada keadaan ini barulah persoalan metodologi muncul dalam kajian ekonomi Islam. Umpamanya terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menggariskan prinsip-prinsip dan jangkaan-jangkaan berkenaan dengan fenomena ekonomi. Antara ayat-ayat al-Qur'an tersebut adalah seperti berikut. Firman Allah SWT, maksudnya:

- a) *"Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil riba, dan ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya....."*<sup>17</sup>
- b) *"Dan kalau mereka bersungguh-sungguh menegakkan (menjalankan perintah-perintah Allah dalam) Taurat dan Injil dan apa yang diturunkan kepada mereka dan Tuhan mereka (al-Qur'an), nescaya mereka akan makan rezeki (yang mewah) dari atas mereka (langit) dan dari bawah kaki mereka (bumi). Di antara mereka ada sepuak yang adil, dan kebanyakan dari mereka, buruk keji amal perbuatannya."*<sup>18</sup>
- c) *"Kemudian apabila mereka melupakan apa yang telah diperintahkan mereka dengannya, Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kemewahan dan kesenangan, sehingga apabila mereka bergembira dan bersukaria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka secara mengejut (dengan bala bencana yang membinasakan), maka mereka pun berputus asa (dari mendapat sebarang pertolongan)."*<sup>19</sup>
- d) *"Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepada-Nya; supaya ia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) ia akan memberi kepada tiap-tiap seseorang yang mempunyai*

<sup>17</sup> Surah al-Baqarah (2): 276.

<sup>18</sup> Surah al-Mâ'idah (5): 66.

<sup>19</sup> Surah al-An'âm (6): 44.

*kelebihan (dalam sebarang amal yang salih) akan pahala kelebihannya itu; dan jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan beroleh azab hari kiamat yang besar (huru-haranya).<sup>20</sup>*

- e) *“Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan kami akan himpulkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta.”<sup>21</sup>*
- f) *“...Deni sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras.”<sup>22</sup>*

Ayat-ayat di atas, sebagai contoh, menjelaskan prinsip-prinsip ekonomi secara umum dan membuat ramalan-ramalan tertentu. Ramalan-ramalan ini tidak perlu kepada penjelasan kerana ia adalah wahyu Allah SWT. Pada masa yang sama teori-teori ekonomi yang dikemukakan oleh manusia boleh diuji kebenarannya dengan ayat-ayat berkenaan, dan jika teori-teori itu berlawanan dengan al-Qur'an atau pun hadith, maka ia ditolak sama sekali.

Skop pengajian ekonomi Islam memasukkan pengajian nilai-nilai Islam yang luhur, menganalisis fenomena sebenar kehidupan ekonomi dan mencari jalan untuk mengubah sistem ekonomi konvensional yang diamalkan oleh orang-orang Islam kepada sistem ekonomi Islam. Oleh itu akal pemikiran manusia memainkan peranan penting untuk mengulas teori-teori yang tidak bertentangan dengan sumber-sumber Syariah. Ulasan boleh dalam bentuk rasional dan empirik kerana sesuatu teori harus memenuhi kedua-dua kriteria di atas. Sesuatu teori harus benar dari sudut rasional dan betul dari sudut bukti-bukti yang empirik.

Persoalan penggunaan metodologi induktif dan deduktif dalam pengajian ekonomi Islam juga menjadi perbincangan hangat antara ahli-ahli ekonomi Islam. Dalam hal ini mereka membuat kesimpulan bahawa kedua-dua metodologi tersebut adalah relevan dalam pengajian ekonomi Islam.<sup>23</sup> Metodologi induktif merujuk kepada satu cara menganalisis data menggunakan pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum.<sup>24</sup> Sementara

<sup>20</sup> Surah Hūd (11): 3; Lihat juga ayat 52.

<sup>21</sup> Surah Tāhā (20): 124.

<sup>22</sup> Surah Ibrāhīm (14): 7.

<sup>23</sup> Muhammad Akram Khan, *op. cit.*, hal. 56.

<sup>24</sup> Adrian D. De Groot, *Methodology Foundation of Influence and Research in the Behavioural Sciences*, Mounton & Co., Belgium, 1960, hal. 64; Gerald S. Ferman dan Jade Levin, *Social Sciences Research*, John Wiley and Sons, USA, 1975, hal. 79.

metod deduktif merujuk kepada satu cara menganalisis data menggunakan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus.<sup>25</sup>

Sebelum kedatangan Islam, dunia purbakala telah menghasilkan satu sistem falsafah yang berasaskan kepada spekulasi yang abstrak. Sebaliknya al-Qur'an mengajak manusia melihat dan memandang kepada alam sekeliling, bulan, bintang, matahari, malam, siang, hujan, musim, warna dan sebagainya. Metod ini menciptakan semangat mencari kebenaran yang mengarah kepada penggunaan metod induktif dalam penyelidikan.<sup>26</sup> Al-Qur'an memisalkan kisah Nabi Ibrahim a.s. yang meminta bukti empirik selepas mati.<sup>27</sup> Pengakuan Allah yang Esa oleh Nabi Ibrahim 'a.s. adalah melalui metod yang empirik. Pada tempat ini al-Qur'an menyebutkan, maksudnya:

*"Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Nabi Ibrahim kebesaran dan kekuasaan (Kami) di langit dan di bumi, dan supaya menjadilah ia dari orang-orang yang percaya dengan sepenuh-penuh yakin."*<sup>28</sup>

Dalam ayat di atas perkataan perlihatkan merujuk kepada melihat dan memandang. Dalam hal ini Allah SWT menggunakan metod eksperimental untuk mewujudkan kesahihan kebenaran metafizik. Oleh itu, dalam pengkajian ekonomi Islam, penggunaan metod induktif hanya sebagai penerusan tradisi yang ditetapkan oleh orang-orang Islam pada masa lampau. Persoalan yang timbul ialah satu konklusi saintifik tidak boleh dibuat jika penyelidik hanya bergantung dengan metod induktif. Sehubungan dengan itu, metod deduktif digunakan serentak dengan metod induktif.

Dalam pengajian ekonomi konvensional, metod deduktif digunakan berasaskan kepada andaian bahawa akal manusia mempunyai pengetahuan yang lengkap dan tidak perlu bergantung dengan orang lain.<sup>29</sup> Kefahaman ini dilihat berlawanan dengan

<sup>25</sup> Andrian D. De Groot, *op. cit.*, hal. 74; Lihat juga Koentjaraningrat (ed.), *Metod-metod Penelitian Masyarakat*, PT. Gramedia, Jakarta, 1986; Imam Bernadib, *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, Yogyakarta, 1982; Howard E. Freeman and Clarence C. Sherwood, *Social Research and Social Policy*, Prentice Hall Inc., New Jersey, 1970, hal. 32-62.

<sup>26</sup> Lihat Surah al-Baqarah (2): 164; Surah al-Hijr (15): 16; Surah al-Nahl (16): 68-69; Surah al-Anbiyā' (21): 33; Surah al-Nūr (24): 43-44; Surah al-Rūm (30): 48; Surah Fātir (35): 9; Surah Yā Sīn (36): 40; Surah al-Sāfiṭ (37): 6; Surah Fussilat (41): 12; Surah al-Jāthiyah (45): 5; Surah Qāf (50): 6; Surah al-Mulk (67): 5; Surah al-Burūj (85): 1.

<sup>27</sup> Surah al-Baqarah (2): 260.

<sup>28</sup> Surah al-An‘ām (6): 75, lihat juga ayat-ayat 76-78.

<sup>29</sup> T. Hutchison, *The Significance and Basic Postulates of Economic Theory*, Kelly, New York, 1960, hal. 5.

prinsip Islam iaitu hanya Allah SWT sahaja yang mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang masa depan. Oleh itu, Islam hanya menerima akal (intelek) manusia sebagai satu sumber yang sah, tetapi tidak menerima pembangunan model berdasarkan kepada metod deduktif. Oleh yang demikian ekonomi Islam menerima situasi kehidupan sebenar yang setiap individu tidak mempunyai pengetahuan yang sempurna dan setiap individu mempunyai pengetahuan yang berbeza. Cara yang disarankan oleh ekonomi Islam dalam penggunaan metod deduktif ialah melakukan observasi terhadap gelagat manusia dan pembentukan institusi, dan kemudian membuat andaian yang dibina di atas pengetahuan yang sebenar. Untuk mendapatkan keputusan andaian tersebut, para penyelidik perlu meminjam metod-metod penyelidikan dalam bidang-bidang yang berkenaan seperti sosiologi, antropologi, pemasaran, psikologi sosial, sejarah, pengurusan perniagaan dan hubungan industri. Sumber-sumber data boleh di dapat dari banyak pihak termasuk Jabatan Perakaunan Negara, Perakaunan Syarikat, belanjawan negara, amalan perniagaan, gelagat pekerja, gelagat petani dan seumpamanya.<sup>30</sup>

## **PERBEZAAN ANTARA METODOLOGI EKONOMI ISLAM DENGAN METODOLOGI EKONOMI KONVENTIONAL<sup>31</sup>**

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapatlah diringkaskan beberapa asas perbezaan antara metodologi ekonomi konvensional dan metodologi ekonomi Islam. Asas perbezaan yang pertama ialah ekonomi Islam dibentuk berdasarkan kepada sumber-sumber wahyu iaitu al-Qur'an dan hadith. Tafsiran-tafsiran yang dibuat kepada sumber tersebut, al-Qur'an umpamanya, adalah mengikut metod-metod yang telah digariskan oleh para Ulama. Bukannya tafsiran yang sebarang dan membuta tuli.<sup>32</sup>

Perbezaan yang kedua ialah ekonomi Islam lebih mengutamakan penggunaan metod induktif berbanding metod deduktif. Ini adalah kerana metod ini menguji kebenaran atau penyelewengan sesuatu andaian dan jangkaan dalam ekonomi yang terhasil dari tindakan rasional manusia dan bukti-bukti yang empirik. Sebaliknya dalam ekonomi konvensional, penggunaan metod deduktif lebih diutamakan. Ini adalah kerana andaian-andaian yang dikemukakan oleh ahli-ahli ekonomi konvensional tidak perlu kepada kebenaran dengan keadaan yang sebenar. Antara andaian-andaian asas yang biasa dikemukakan ialah manusia itu mementingkan diri sendiri (*self-interest*), rasional, mempunyai pengetahuan yang sempurna dan kemampuan mereka

<sup>30</sup> Muhammad Akram Khan, *op. cit.*, hal. 57-58.

<sup>31</sup> *Ibid.*, hal. 60-62.

<sup>32</sup> M. A. Mannan, *Islamic Economics: Theory and Practice*, Sh. Muhammad Ashraf, Lahore, 1987, hal. 13-27.

untuk mengetahui mana yang terbaik bagi dirinya. Dalam hal ini, ekonomi Islam menggunakan keadaan penggabungan antara kedua-dua metod untuk menguji andaian-andaian dan jangkaan-jangkaan berkenaan benar atau sebaliknya.

Perbezaan yang ketiga ialah ekonomi Islam dibina di atas asas nilai dan etika yang luhur dan bersepadan seperti nilai keadilan, dermawan, sederhana, suka bekorban, rasa kepedulian pada orang lain dan sebagainya. Kesemua nilai-nilai ini bersumberkan kepada Syariah, bukannya rekaan manusia.<sup>33</sup> Persoalan nilai dalam ekonomi konvensional tidak ditekankan kerana mereka mempunyai sifat mementingkan diri sendiri, tamak, haloba, materialistik dan sebagainya.<sup>34</sup>

Perbezaan yang keempat ialah pengajian ekonomi Islam adalah bersifat normatif dan positif. Ianya dikatakan normatif kerana orang-orang Islam sentiasa mencari jalan dan langkah untuk mengubah sistem ekonomi konvensional yang diamalkan oleh negara-negara Umat Islam kepada sistem ekonomi Islam. Ia juga adalah ekonomi positif kerana umat Islam mengkaji persoalan-persoalan yang berlaku dan akan berlaku dalam ekonomi sebenar. Sebaliknya pengkajian ekonomi konvensional hanya menekankan kepada ekonomi positif kerana mereka hanya mengkaji fenomena-fenomena dalam ekonomi sebenar sahaja.

Perbezaan yang seterusnya ialah matlamat pengajian ekonomi Islam ialah mendapatkan *al-falah* dalam kehidupan di dunia dan di akhirat dalam pelbagai aspek.<sup>35</sup> Sedangkan dalam ekonomi konvensional matlamat sedemikian dianggap asing kerana bagi ahli-ahli ekonomi konvensional kejayaan ekonomi diukur dari banyak atau sedikit harta kekayaan dan wang ringgi yang dapat dikumpul hasil dari kegiatan ekonomi seperti pengeluaran dan pelaburan, dan kepuasan hasil dari penggunaan barang-barang dan perkhidmatan yang tersedia dalam ekonomi.<sup>36</sup>

---

<sup>33</sup> Sa'īd Sa'd Marṭān, *Madkhal li al-Fikr al-Iqtisādī fi al-Islām*, Muassasah al-Risālah, Beirut, t.t., hal. 54.

<sup>34</sup> Syed Nawab Haider Naqvi, *Ethics and Economics: An Islamic Synthesis*, The Islamic Foundation, Leicester, UK, 1981, hal. 30, 40-41; Mehdi B. Razazi, *Modelling an Islamic Economic System: An Interaction Delivery Matrix and Boolean Digraph Approach*, Ph.D The University of Nebraska-Lincoln, USA, 1983, hal. 148-150; Afzal-Ur-Rahman, *Economic Doctrines of Islam*, Vol. I, Islamic Publications Ltd., Lahore, 1980, hal. 4.

<sup>35</sup> Lihat umpamanya, 'Abd al-Samī' al-Miṣrī, *Muqawwamāt al-Iqtisād al-Islāmī*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1975, hal. 22.

<sup>36</sup> Joni Tamkin b. Borhan, "Peranan dan Cabaran Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi: Suatu Analisis" dalam *Jurnal AFKAR*, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, Bil. 2, 2001, hal. 149 - 154.

## BEBERAPA ISU METODOLOGI EKONOMI ISLAM

Ahli-ahli ekonomi Islam telah banyak membincangkan Isu-isu metodologi dalam ekonomi Islam, namun demikian penulisan ini hanya membataskan kepada beberapa isu berikut sahaja, antaranya:

- a) Adakah ekonomi Islam satu sains positif atau normatif ataupun kedua-duanya sekali?
  - b) Adakah satu teori ekonomi Islam diperlukan memandangkan tiadanya satu ekonomi Islam dalam keadaan yang sebenar?
  - c) Adakah ekonomi Islam itu suatu “sistem” atau pun “sains”?
  - d) Peranan akal dalam mentafsirkan al-Qur'an dan hadith.
  - e) Kefahaman tentang fiqh muamalat dan ekonomi Islam, dan
  - f) Konsep kekurangan sumber.
- 
- a) Adakah ekonomi Islam satu sains positif atau normatif ataupun kedua-duanya sekali?

Pada umumnya ekonomi positif ialah pernyataan yang menerangkan tentang perkara-perkara yang akan wujud dalam ekonomi atau pengkajian tentang masalah-masalah ekonomi dalam bentuknya yang sedia ada. Sementara ekonomi normatif melibatkan persoalan yang seharusnya berlaku atau apakah yang sepatutnya orang, organisasi atau negara sebaliknya harus wujud. Persoalan yang sebaliknya wujud ini bergantung kepada pengukuran nilai (*value judgement*) atau suatu pandangan subjektif yang menjelaskan nilai-nilai apa yang baik dan yang buruk setidak-tidaknya pada peringkat pembentukan teori. Meskipun ada ahli ekonomi Islam berpandangan bahawa ekonomi Islam adalah satu sains normatif, tetapi Prof. Dr. Mannan menegaskan bahawa dalam ekonomi Islam aspek-aspek normatif dan positif saling berkaitan antara satu sama lain dan sebarang usaha untuk memisahkan kedua-duanya boleh menimbulkan kekeliruan kepada banyak pihak. Ini bukanlah bermakna tidak wujud bahagian-bahagian normatif dan positif yang berbeza. Malah al-Qur'an dan hadith yang pada asasnya merupakan sumber kenyataan-kenyataan berbentuk normatif, juga mengandungi banyak lagi kenyataan berbentuk normatif. Malah al-Qur'an dan hadith yang merupakan dua sumber Syariah utama merupakan sumber kenyataan-kenyataan yang berbentuk normatif, juga mengandungi banyak kenyataan yang berbentuk positif.<sup>37</sup> Dalam pengajian ekonomi konvensional, pendekatan positif amat ditekankan kerana mereka hanya mengkaji fenomena ekonomi yang ada dan membelakangkan

<sup>37</sup> Muhammad Abdul Mannan, "Islamic Economics as a Social Sciences: Some methodological Issues" dalam *The Frontiers of Islamic Economics*, Idarah-I Adabiyat-I, New Delhi, 1984, hal. 25.

pengukuran nilai dalam sebarang keputusan ekonomi. Sementara dalam ekonomi Islam, pendekatan ekonomi normatif lebih diutamakan kerana pendekatan ini bertujuan mencari jalan untuk mengubah keadaan ekonomi yang ada kepada pengamalan sistem ekonomi Islam secara total.

- b) Adakah satu teori ekonomi Islam diperlukan memandangkan tiadanya satu sistem ekonomi Islam dalam keadaan yang sebenar?

Persoalan ini relevan jika sistem ekonomi Islam tidak dilaksanakan secara total dalam sesebuah negara. Walaupun ada pandangan mengatakan tidak perlu membangunkan satu teori ekonomi Islam kerana tidak wujud sistem ekonomi Islam dalam keadaan yang sebenar di sesebuah negara tertentu di mana teori-teori ekonomi boleh diuji dengan masalah-masalah sebenar. Mereka juga menjelaskan bahawa sesuatu teori mesti menjelaskan hakikat yang sebenar. Tiada alasan yang kuat untuk menyokong membangunkan teori ekonomi Islam kerana ia tidak dapat membuat penjelasan ataupun ramalan berdasarkan realiti sosio-ekonomi masyarakat Islam semasa yang mengamalkan sistem ekonomi konvensional yang dicipta berdasarkan akal pemikiran manusia.

Hujah golongan ini tidak dapat diterima kerana mereka kurang penghayatan terhadap peranan berbagai-bagai teori yang timbul dari ideologi-ideologi yang berasingan dalam pembangunan institusi dan masyarakat ekonomi. Berdasarkan kepada reliti sejarah pelaksanaan sistem ekonomi konvensional, tidak semestinya sesuatu teori ekonomi itu wujud pada suatu masa yang akan menjelaskan tentang reliti dan meramalkan gelagat seperti yang diteorikan tersebut. Hal ini dibuktikan apabila dilihat pada teori pasaran bebas yang telah dibangunkan lebih awal oleh Adam Smith melalui penulisannya *The Wealth of Nations* dalam tahun 1776, meskipun dalam realitinya perdagangan bebas belum diamalkan lagi. Namun demikian beliau meramalkan betapa perlunya perdagangan bebas itu melihat kepada kemajuan sosial dan ekonomi yang berlaku di Britain waktu itu.<sup>38</sup> Begitu juga sistem ekonomi komunis dan sosialis moden yang telah di ketengahkan 50 tahun lebih awak oleh Karl Marx melalui penulisannya *Das Kapital* yang diterbitkan pada tahun 1867. Sistem ekonomi komunis ini telah menjadi anutan golongan Bolshevik di Rusia tepat 50 tahun selepas teori kesamarataan dalam ekonomi dikemukakan oleh Karl Marx.<sup>39</sup>

<sup>38</sup> *Encyclopaedia Britannica*, Vol. 4, William Benton, 1970, hal. 839-840; Sheikh Mahmud Ahmad, *Economic of Islam: A Comparative Study*, SH. Muhammad Ashraf, Lahore, 1972, hal. 4 - 17.

<sup>39</sup> Al-Labidi, *Islamic Economics: A Comparative Study*, Islamic Publications, Lahore, 1980, hal. 15-30; Mahmūd al-Nawawī dan ‘Abd al-Mun‘im Khafājī, *Bainā al-Shuyū‘iyyah wa al-Islām*, Kaherah, 1959, 102 hal; Khalifa Abdul Hakim, *Islam and Communism*, Institute of Islamic Culture, Lahore, 1953, 262 hal.

Berkenaan dengan Sistem ekonomi Islam, perubahan pesat sejak akhir-akhir ini dalam dunia Islam dan dunia Barat iaitu pelaksanaan ekonomi Islam secara pribadi, adalah contoh bagaimana perubahan-perubahan dan nilai-nilai agama dan ekonomi membebaskan masyarakat dari mengamalkan sistem ekonomi konvensional kepada mendedahkan mereka kepada ciri-ciri kehidupan ekonomi yang dinamik,<sup>40</sup> dinamis dan adil. Oleh itu larangan islam terhadap riba dalam urusan perbankan dan kewangan Islam, institusi zakat, pelaksanaan sistem perbankan dan kewangan Islam yang sedang pesat di dunia Islam, pembangunan pasaran modal Islam dan sebagainya memberi kesan yang amat besar ke atas pembangunan sistem ekonomi Islam dasawarsi

c) Adakah ekonomi Islam itu suatu “sistem” ataupun “sains”?

Para sarjana ekonomi Islam tidak sepandapat mengenai persoalan sama ada ekonomi Islam sebagai satu “sistem” atau pun “sains”. Ada yang berpendapat ia sebagai satu “sistem” dan yang lain berpandangan ianya satu “sains”. Dalam hal ini Prof. Mannan<sup>41</sup> berpandangan ekonomi Islam sebagai satu sistem dan sains. Ekonomi Islam pada asasnya merupakan sebahagian dari “sistem,”<sup>42</sup> ia juga boleh dianggap sebagai satu “sains”.<sup>43</sup> Ekonomi Islam adalah sebahagian dari cara hidup yang lengkap berdasarkan empat sumber Syariah yang utama iaitu al-Qur'an, hadith, Ijma' dan Qiyas. Sistem menyediakan mekanisme yang terbina sendiri ke arah pemikiran baru

<sup>40</sup> Mannan, “Islamic Economics As a Social Sciences”, hal. 30-32.

<sup>41</sup> *Ibid.*, hal. 32- 33.

<sup>42</sup> Dalam pengkajian ekonomi, istilah teori, polisi dan sistem tidak boleh dikesampingkan. Teori ekonomi menjelaskan tentang punca-punca sesuatu masalah yang berlaku dalam ekonomi. Polisi pula ialah langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Cara-cara pelaksanaan polisi itu dikenali sebagai sistem. Dalam perkataan lain, sistem ekonomi berfungsi dalam pelaksanaan polisi tersebut. Sistem ekonomi ialah *institutional means* dalam peruntukan sumber alam bagi mencapai matlamat yang tertentu. Institusi ialah peraturan yang berdasarkan kepada kepercayaan, adat dan tradisi masyarakat setempat. Ini bermakna sistem ekonomi ialah peraturan yang berasaskan kepada kepercayaan masyarakat yang mendokongnya di dalam pelaksanaan polisi untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam ekonomi. Lihat umpamanya, Saiful Azhar Rosli, *Peranan Ekonomi Islam Dalam Pembangunan Negara*, Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM, 1996, 30 hal. Lihat juga M. Umar Chapra, *The Economic System of Islam*, Dept. of Publications, University of Karachi, Pakistan, t.t., 77 hal.

<sup>43</sup> Perkataan sains didefinisikan sebagai satu susunan ilmu pengetahuan yang teratur mengenai dunia fizikal, sama ada yang hidup atau yang tidak bernyawa. Ia juga didefinisikan sebagai sikap dan kaedah yang merupakan saluran dalam pembentukan susunan ilmu pengetahuan ini. Lihat *The Oxford Pocket English Dictionary*.

(iaitu ijtihad) dan masalah-masalah baru yang tidak bertentangan dengan sumber-sumber asas tersebut. Ini bermaksud sistem itu menyediakan satu set prinsip-prinsip yang mengawal keseluruhan cara hidup yang tidak terbatas oleh masa. Berasaskan kepada prinsip-prinsip itu terbangun satu rangka kerja (*framework*) yang konsepnya boleh menjelaskan gelagat ekonomi pada masa lalu, sekarang dan menjangka realiti ekonomi pada masa hadapan. Adalah jelas bahawa satu teori ekonomi Islam boleh diubah atau digantikan dengan yang baru tertakluk kepada rangka kerja Syariah yang kekal abadi.<sup>44</sup>

d) Peranan akal dalam mentafsirkan al-Qur'an dan hadith<sup>45</sup>

Skop pengajian ekonomi meliputi persoalan nilai-nilai Islam, analisis fenomena sebenar ekonomi dan pencarian jalan untuk mengubah sistem ekonomi konvensional yang ada sekarang kepada sistem ekonomi Islam secara keseluruhannya. Oleh itu rangkakerja ekonomi Islam menyediakan panduan terus terhadap sebahagian kecil persoalan ekonomi semasa. Persoalan metodologi menjadi penting terutama apabila akal dan pemikiran manusia harus memainkan peranan yang selayaknya dalam ruang lingkup yang dibenarkan yang berdasarkan kepada sumber-sumber Syariah. Dalam perkataan lain teori-teori ekonomi Islam tidak boleh berlawanan dengan asas-asas Syariah kerana ia akan membuka pintu kepada kritikan. Kritikan terhadap teori akan berdasarkan kepada dua persoalan pokok utama iaitu rasional dan empirik. Teori yang dipertanggungjawabkan harus betul dari sudut rasional dan disahkan secara empirik. Dalam melakukan ujian terhadap sesuatu teori, ekonomi konvensional hanya menggunakan perkataan "bagaimana" (*how*), bukannya menggunakan perkataan "kenapa" (*why*) kerana persoalan ini berkaitan dengan kepercayaan dan moraliti. Dalam pengajian ekonomi konvensional yang seharusnya ditanya ialah "Bagaimana firma membuat keputusan? Bagaimana pasaran bergelagat? Dan bagaimana ekonomi respon terhadap sesuatu fenomena? Ekonomi tidak boleh ditanya "kenapa" kerana ia akan meletakan ekonomi dalam persoalan moral dan etika yang dianggap asing dalam ekonomi konvensional. Seperti yang dimaklumi sistem ekonomi konvensional meminggirkkan persoalan kepercayaan dan moral. Sebaliknya dalam pengajian ekonomi Islam, kebenaran sesuatu teori itu diuji secara rasional dan empirik menggunakan soalan "bagaimana" dan "kenapa",<sup>46</sup> dan jika jawapannya tidak terdapat dalam sumber-sumber Syariah yang berkenaan, orang Islam akan menggunakan akalnya untuk melakukan ijтиhad berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh para Ulama'.

<sup>44</sup> Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, (tr.) Radiah Abdul Kader, A.S. Noordeen, KL, 1989, Jilid 1, hal. 29-30.

<sup>45</sup> Muhammad Akram Khan, "Methodology of Islamic Economics", hal. 55-56.

<sup>46</sup> R. Garudy, "The Balance Sheet of Western Philosophy," *American Journal of Islamic Social Sciences*. Vol. 2, No. 2, hal. 169-178.

Hasilnya sistem ekonomi Islam sesuai diamalkan oleh semua bangsa, semua tempat dan sepanjang zaman.

e) Kefahaman tentang fiqh muamalah dan ekonomi Islam

Dalam pengajian ekonomi Islam, terdapat pihak-pihak yang membuat salah faham dan tidak mampu membezakan antara fiqh muamalah dan ekonomi Islam. Muamalah adalah perhubungan sosial yang mengandungi pelbagai kegiatan termasuk ekonomi dan bukan ekonomi. Dalam aspek yang melibatkan persoalan ekonomi, fiqh muamalah tidak boleh dipisahkan darinya kerana kegiatan ekonomi itu seharusnya dikawal dan dipandu oleh fiqh muamalah.<sup>47</sup> Secara khususnya fiqh muamalah ialah kajian tentang usaha-usaha manusia untuk mencari harta dan kekayaan melalui jalan perniagaan, berusaha, bekerja dan perdagangan. Sementara ekonomi Islam secara ringkasnya ditakrifkan sebagai ilmu yang mengkaji segala kegiatan manusia yang selari dengan prinsip-prinsip Syariah dari sudut memperolehi kekayaan dan pendapatan, mengguna dan menguruskan sumber-sumber pengeluaran untuk faedah diri dan kebaikan bersama dalam bentuk kebendaan dan kerohanian untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.<sup>48</sup> Hubungan antara fiqh muamalah dengan ekonomi Islam seumpama kajian “tatabahasa” dengan kemahiran menggunakan tatabahasa,<sup>49</sup> iaitu tatabahasa lebih merupakan prinsip, sementara penggunaan bahasa merupakan penggunaan prinsip tersebut.<sup>50</sup> Fiqh Muamalah lebih merupakan peraturan Islam yang berkaitan dengan hukum-hukum perniagaan, dan lebih merupakan rangka kerja yang sah untuk ekonomi Islam. Ekonomi Islam bukanlah merupakan undang-undang berkenaan perniagaan semata-mata, tetapi ia merangkumi juga aspek-aspek sosial dengan mengkaji proses dan natijah daripada kegiatan manusia secara lebih menyeluruh yang merangkumi aktiviti penggunaan, pengeluaran dan pengagihan kekayaan, dan pendapatan dalam masyarakat Islam.<sup>51</sup>

Perbezaan yang tidak jelas antara kedua-duanya sering menimbulkan tanggapan yang sempit tentang ekonomi Islam. Oleh sebab itu, teori penggunaan yang sepatutnya merupakan kajian kelakuan pengguna terhadap barang pengguna kadang

<sup>47</sup> Mahmud Saedon, “Hubungan Antara Fiqh Muamalah Dengan Ekonomi,” Kertas Kerja di Bengkel Pengajaran Ekonomi Islam di Langkawi anjuran Kuliah Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa pada 2 - 22 Julai 1990.

<sup>48</sup> Joni Tamkin b. Borhan, “Peranan dan Cabaran Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi: Suatu Analisis,’ hal. 142-145.

<sup>49</sup> Monzer Kahf, *The Islamic Economy*, The Muslim Students’ Association of The United States and Canada, Indiana, 1978, hal. 7.

<sup>50</sup> Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, DBP, KL. 1993, hal. 11.

<sup>51</sup> Monzer Kahf, *op. cit.*, hal. 7.

kala hanya merupakan pernyataan semula hukum-hukum Islam tentang permakanan. Demikian juga penjelasan tentang teori pengeluaran yang hanya pernyataan semula hukum-hukum Islam berkenaan dengan hak milik dan harta dalam Islam.<sup>52</sup>

Untuk menjadikan Ekonomi Islam boleh berdiri dengan sendiri, disamping fiqh muamalah, kajian-kajian mendalam dan detail juga perlu dilakukan untuk menimba sumbangsan pemikiran para Ulama silam dalam ekonomi dan aplikasi teori-teori yang dikemukakan oleh mereka dalam perjalanan sistem ekonomi semasa. Pengkajian sejarah adalah amat penting dalam disiplin sains ekonomi kerana sejarah adalah makmal yang memproses dan menguji kehidupan manusia. Sebagai salah satu bidang sains sosial, ekonomi memerlukan sejarah untuk memaparkan semula pengalaman-pengalaman teori-teori ekonomi berkenaan. Melalui sejarah, generasi kemudian dapat mengkaji sejarah pemikiran ekonomi dan sejarah unit-unit ekonomi seperti individu (pengguna atau pengeluar atau pelabur) dan firma. Dalam hal ini penyelidikan mendalam harus dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan untuk mengkedepankan sumbangsan pemikiran ekonomi para Ulama dan pemikir agong Islam terdahulu seperti Abū Yūsuf (113 - 183H./731 - 798M.), Muhammad b. al-Ḥasan al-Shaybānī (132 - 189H./750 - 804M.), Abū ‘Ubayd al-Qāsim b. Sallām (m. 224 H./838M.), al-Māwardī (m. 450 H./1058M.), al-Ghazālī (450 - 505H./ 1058 - 1111M.), Ibn Taimiyyah (661-728H./ 1263 - 1328M.), Ibn Khaldūn (732 - 808H./ 1332 - 1404M.), al-Maqrīzī (m. 845H.), Shāh Wali Allāh al-Dīhlawī (1114 - 1176H./1703 - 1762M.) dan ramai lagi.<sup>53</sup>

f) Konsep kekurangan sumber

Kekurangan (*scarcity*) adalah satu fenomena ekonomi yang timbul dari dua keadaan yang bertentangan iaitu kehendak manusia yang tidak terhad ke atas jumlah sumber-sumber yang terbatas. Dalam lain perkataan, faktor-faktor pengeluaran yang sedia ada tidak mampu memenuhi kehendak ekonomi manusia. Ini menggambarkan konsep kekurangan yang bersifat mutlak menurut perspektif ekonomi konvensional, dan manusia ekonomi (*homo economicus*) yang dibentuk oleh sistem itu bersifat tamak haloba, mementingkan diri sendiri dan materialistik. Menurut perspektif ekonomi Islam, manusia (*homo islamicus*) yang dianggap sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi tidak bersifat seperti yang digambarkan di atas, tetapi bertindak seperti keadaan semulajadi manusia yang memenuhi segala keperluan hidup dalam pelbagai peringkat, wajib dilaksanakan walaupun terdapat ketidakcukupan sumber-sumber keluaran.

<sup>52</sup> Monzer Kahf, “*Islamic Economy and Its Methodology*” dalam Aidit Ghazali dan Syed Omar Syed Agil (eds.), *Readings in the Concept and Methodology of Islamic Economics*, Pelanduk Publications, PJ, 1989, hal. 44.

<sup>53</sup> Lihat umpamanya, Joni Tamkin B. Borhan, “A Survey of the Development of Islamic Economic Thought,” *Jurnal Usuluddin*, Bil. 10, Disember 1999, hal. 63-80.

Fenomena kekurangan sumber yang sifatnya relatif adalah relevan dalam Islam dan berlawanan sama sekali dengan konsep kekurangan mutlak. Dalam Islam tidak ada ruang untuk mengiyakan wujud kekurangan sumber secara mutlak kerana ilmu pengetahuan manusia masa kini tidak dapat membayangkan nikmat dan rezeki Allah SWT yang tidak terbatas. Keadaan ini dapat dijelaskan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah sahalalah yang maha pemberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya) dan (Dia sahalah) yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga, lagi amat kukuh kekuasaanNya.”<sup>54</sup>*

Menurut kafahaman Islam, adalah dijelaskan bahawa manusia mempunyai usaha dan keupayaan yang terbatas untuk mengekplorasi sumber-sumber anugerah Allah yang tidak terbatas kepada faktor-faktor pengeluaran sahaja, tetapi juga meliputi udara segar dan air yang bersih untuk kegunaan manusia dan menjadi wasilah untuk kehidupan akhirat yang kekal abadi.<sup>55</sup> Dalam hal ini al-Qur'an menjelaskan:

*“Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya”.*<sup>56</sup>

Manusia disarankan supaya berusaha untuk mendapatkan rezeki anugerah Allah SWT tersebut. Firman Allah SWT, maksudnya:

*“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).”<sup>57</sup>*

## PENUTUP

Penulisan di atas bolehlah disimpulkan bahawa metodologi ekonomi Islam adalah merupakan suatu keperluan dalam pengajian ekonomi. Metodologi ekonomi Islam adalah berteraskan Tauhid yang unggul, bersifat semasa dan berasaskan kepada prinsip-prinsip Syariah berbanding dengan metodologi ekonomi konvensional yang terhasil dari cetusan pemikiran manusia yang banyak tidak berpijak di bumi yang nyata.

<sup>54</sup> Surah al-Dhāriyyāt (51): 58.

<sup>55</sup> ‘Abd al-Samī‘ al-Miṣrī, *op. cit.*, hal. 22.

<sup>56</sup> Surah al-Najm (53): 39.

<sup>57</sup> Surah al-Jum‘ah (62): 10.